

Tingkat eksport pembuatan 2 kali ganda

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mencadangkan supaya sasaran eksport sektor pembuatan negara ditingkatkan dua kali ganda dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, sasaran itu mampu dicapai melalui kerjasama rapat dan berkesan antara industri di negara ini dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

“Biar ia menjadi sasaran besar kita. Saya mahu melihat lebih banyak syarikat Malaysia melangkah ke peringkat global serta meningkatkan sumbangan mereka dalam memperluaskan eksport dan dagangan dalam negeri,” katanya pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri, di sini semalam.

Pada majlis itu, Asia Pacific Institute of Information Technology diumumkan pemenang Anugerah Perdana Menteri dan meraih hadiah wang tunai RM50,000 selain imbuhan pelepasan cukai tertentu.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Timbalannya, Datuk Mukhriz Mahathir serta Pengerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri,



NAJIB bersama penerima anugerah sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri di Kuala Lumpur, semalam.

Tan Sri Azman Hashim.

Najib berkata, di sebalik senario ekonomi dan politik global, kerajaan akan terus mengukuhkan asas ekonomi negara dan memastikan semua pelan transformasi yang sudah dirancang meraih manfaat.

“Kita akan terus meningkatkan pembabitan dalam memastikan Komuniti Ekonomi Asean menjadi realiti pada 2015 serta memanfaatkan sepenuhnya Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) kerana ia membuka lebih

banyak peluang komersial kepada komuniti perniagaan negara ini.

“Di peringkat domestik pula, kerajaan akan memastikan dapat menghapuskan kerenah birokrasi yang menjadi penghalang kepada perniagaan,” katanya.

Beliau berkata, sektor swasta juga perlu meningkatkan daya saing dengan mengurangkan pergantungan kepada sokongan dan subsidi kerajaan.

“Sudah berulang kali saya nyatakan, kita mesti mengu-

rangkan perangan/ungan terhadap subsidi sedia ada. Malaysia akan benar-benar kompetitif apabila sektor swasta dan sektor awam dapat berfungsi dengan berkesan,” katanya.

Pada majlis itu, Iris Corporation Bhd, MM Vitaolis Sdn Bhd, Proton Holdings Berhad dan Robina Flooring Sdn Bhd meraih anugerah Jualan Tertinggi mengikut kategori masing-masing daripada Perdana Menteri. Sebanyak 21 syarikat meraih anugerah utama dengan lapan syarikat menerima anugerah khas.